

## Pertemuan Alumni UMP erat hubungan



Pekan, 27 Februari – Majlis Hi-Tea East Coast Alumni Gathering dan UMP-MTDC Symbiosis Programme yang diadakan di Hotel Ancasa Royale, Pekan baru-baru ini merupakan platform terbaik alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk mengeratkan hubungan silaturrahim serta menyumbangkan tenaga bagi pembangunan kerjaya, keusahawanan, kepimpinan dan aktiviti kemasyarakatan sosial kepada alma mater.

Pengarah program, Mohd Najib Razali berkata, program ini bertujuan mengeratkan silaturrahim di antara alumni UMP dan meningkatkan hubungan yang baik antara alumni dengan pihak universiti.

"Pertemuan ini juga dapat memberi peluang kepada pihak alumni mendapatkan pencerahan tentang program MyGift UMP serta mengadakan perbincangan rangkaian alumni untuk memberi nilai tambah kepada universiti," katanya.

Pada masa yang sama turut diadakan taklimat yang program Symbiosis disampaikan Penolong Naib Presiden Malaysia Trade Development Corporation (MTDC) iaitu Cek Norlia Mohd Shah yang berkongsi tentang usaha membangunkan golongan usahawan teknologi membabitkan kalangan alumni.

Katanya, UMP-MTDC Symbiosis Programme yang diperkenalkan merupakan program pencarian 30 orang alumni untuk menubuhkan 10 syarikat yang memasarkan hasil penyelidikan UMP dengan geran pengkomersilan berjumlah RM 1.2 juta.

Pertemuan ini akan dijalankan di beberapa lokasi terpilih dalam negara mengikut bilangan alumni yang berada di sesuatu kawasan tersebut. Terdapat enam zon kawasan yang dikenalpasti iaitu Zon Tengah (Shah Alam), Zon Utara (Pulau Pinang), Zon Selatan (Johor Bahru), Zon Sabah (Kota Kinabalu) dan Zon Sarawak (Miri/ Bintulu).

Alumni universiti, Muhammad Hadi Sulaiman, 26, melahirkan rasa amat gembira apabila berpeluang bertemu dengan rakan-rakan yang lain setelah beberapa tahun menamatkan pengajian. Beliau berbangga dengan penganjuran program sebegini bukan sahaja dapat menemukan kembali antara satu sama lain malah dapat berkongsi idea dalam karier masing-masing.

Selain bercerita tentang kerjaya, mereka juga dapat mengetahui mengenai perkembangan universiti serta membincangkan tentang sumbangan yang dapat dimanfaatkan pelajar, graduan, alumni, universiti dan masyarakat sekitar.

Lebih 100 alumni hadir dalam majlis yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah UMP merangkap Penasihat Persatuan Alumni, Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman.

**Berita disediakan Noor Salwana Hj. Mohd. Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat PNC.**

